

ADAT ISTIADAT DAN PERTABALAN UNDANG DI
NEGERI SEMBILAN

ZAIDI ABU YAZID

DIPLOMA SENIBINA KAJIAN SENIBINA
PERANCANGAN DAN UKUR

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

Kandungan

Sekalung Budi.....	4
1. UNDANG-UNDANG ADAT SECARA AM.....	6
1.1. Pengertian Adat.....	6
1.1.1. Dr. R. Van Dijk.....	6
1.1.2. Surojo.....	6
1.1.3. A. J. N. Richards.....	8
1.1.4. Kusumadi Pudjosewojo.....	8
1.1.5. Mohd Koesnoe.....	8
1.1.6. Hazairin.....	8
1.1.7. Kesimpulan.....	8
2. Adat Perpatih di Malaysia.....	15
2.1. Adat Perpatih di Malaysia Secara Am.....	15
2.1.1. Corak Pemerintahan.....	15
2.1.2. Corak Keturunan.....	17
2.1.3. Cara Hukuman.....	17
2.2. Asas-asas Adat Perpatih.....	18
2.2.1. Adat Nan Sabana Adat (adat yang sebenar adat).....	18
2.2.2. Adat Nan Diadatkan.....	18
2.2.3. Adat Nan Teradat.....	19
2.3. Konsep Am Adat Perepatih.....	19
2.3.1. Susunan Masyarakat Hukum Adat Perpatih.....	20
2.3.2. Pemerintahan.....	21
2.3.3. Perkahwinan dan penceraian.....	23
2.3.4. Sistem Kewarisan adat Perpatih.....	23
2.3.5. Sistem Anak Angkat.....	23
2.3.6. Kesimpulan.....	24
3. Undang di Negeri Sembilan.....	25
3.1. Undang Didalam Masyarakat.....	26
3.1.1. Undang Didalam Konteks Adat.....	26
3.1.2. Undang Didalam Konteks Peranan.....	26
3.2. Sistem Pertabalan Undang.....	28
3.3. Upacara Pertabalan Undang.....	30
3.3.1. Hari Pertama.....	30
3.3.2. Hari Kedua.....	30
3.3.3. Hari Ketiga.....	31
3.3.4. Hari Keempat.....	31
3.4. Gambar-Gambar Upacara Pertabalan Undang.....	32
3.5. Elemen-elemen Rumah yang Dilarang Mengikut Peraturan Adatnya.....	44
3.5.1. Papan Gendeng Berdaun Budi.....	44
3.5.2. Pintu Sepak.....	45
3.5.3. Panjang Seorang Atau Kambing Berlaga.....	46
3.5.4. Tangga Gantung.....	47
3.5.5. Serambi Berkeliling.....	48
3.5.6. Selasar Kuah.....	49
3.5.7. Rumah Melintang.....	50
3.5.8. Dapur Bandung.....	51
3.5.9. Naga-Naga.....	52
3.5.10. Sawa Melampai.....	53
3.5.11. Lengkiang (Rumah Kepuk).....	54
3.5.12. Pintu Gerbang Atau Pintu Bergubah.....	55
3.5.13. Tangga Bertingkat.....	56
3.5.14. Rumah Tangga.....	57
3.5.15. Gunung Bertingkat.....	57
3.5.16. Gerai atau Genta Bertingkat.....	57
3.5.17. Gajah Menyusu.....	58
3.5.18. Rumah Bertingkat.....	58
3.5.19. Lebah Mengirap.....	59

Sekalung Budi

Assalamualaikum w. b. k..

Syukur saya ke hadrat yang Maha Esa kerana telah dikurniakan kekuatan untuk meneruskan kajian saya mengenai Adat Istiadat dan Pertabalan Undang di Negeri Sembilan.

Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat didalam menjayakan Kajian Akhir Sejarah Senibina.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan saya hadiahkan kepada:

- Ayahanda Haji Abu Yazid bin Ujang- Kerana banyak memberikan pandangan, keterangan dan maklumat mengenai sistem Undang di Negeri Sembilan.
- Encik Amat bin Suanti- Ketua Bahagian Fotografi di Muzium Negara, Kuala Lumpur.
- Encik Mohd Azmi- Pakar Bahagian Sejarah di Muzium Negara, Kuala Lumpur.
- Encik Amran bin Abd Rahman- Pensyarah Sejarah Senibina semester 8
- Encik Azharuddin bin Haji Md Kasim.
- Bonda Hajah Zaharah binti Husin dan keluarga, rakan-rakan seperjuangan dan setiap individu yang terlibat di dalam kajian ini. Semoga Allah membalas segala pertolongan yang telah dicurahkan.

Saya berharap dengan adanya kajian ini kelak dapat membantu sedikit sebanyak mengekalkan salah satu warisan bangsa Melayu yang mula tercabar di dalam arus permodenan dewasa ini.

Zaidi bin Abu Yazid,
Diploma Senibina, 08,
A1788195/ 89217955

1. UNDANG-UNDANG ADAT SECARA AM.

Setiap suku bangsa di muka bumi sama ada di Benua Asia (seperti Kaum Han, Shan, Melayu dan lain-lain), Benua Eropah (seperti Kaum Viking dan Slovak), Afrika (Zulu dan Pigmy) dan lain-lain tempat di dunia ini mempunyai adat atau undang-undang adat yang tersendiri. Walaupun terdapat banyak perbezaan disebabkan pengaruh alam sekitar dan budaya, namun boleh dikatakan semuanya menjurus kepada satu iaitu : Mencipta satu masyarakat yang teratur dan memenuhi syarat keamanan dan keadilan buat setiap anggotanya.

1.1. Pengertian Adat.

Perkataan adat pada asalnya dikutip dari istilah bahasa Arab yang membawa maksud 'kebiasaan'. Di dalam memperkatakan tentang pengertian adat, telah banyak pengertian-pengertian adat yang telah cuba ditakrifkan oleh pakar-pakar Undang-undang Barat mahupun Bumiputra. Di antara pengertian-pengertian yang telah dianjurkan adalah:

1.1.1. Dr. R. Van Dijk.

Menurut beliau Adat adalah semua kesusilaan dan kebiasaan Indonesia di dalam semua lapangan kehidupan, jadi juga semua peraturan tingkahlaku macam apapun juga menurut mana orang Indonesia biasa bertingkahlaku.

1.1.2. Surojo.

Adat adalah merupakan pencerminan daripada keperibadian sesuatu bangsa, merupakan salah satu penjelmaan yang bersangkutan dari abad ke abad. Oleh kerana itu maka tiap bangsa di dunia ini memiliki adat kebiasaan sendiri yang satu dengan lainnya tidak sama. Justeru oleh kerana ketidaksamaan inilah kita dapat menyatakan bahawa adat itu merupakan unsur yang terpenting yang memberikan identiti kepada bangsa yang bersangkutan. Tingkatan peradaban mahupun cara penghidupan yang moden ternyata tidak mampu menghilangkan adat kebiasaan yang hidup didalam masyarakat. Paling-paling tidak yang kelihatan didalam proses kemajuan zaman itu adalah bahawa adat tersebut menyesuaikan diri dengan keadaan dan kehendak zaman, sehingga adat itu menjadi kekal serta tetap segar.

1.1.3. A.J.N. Richards

"Colloquially, Adat can mean law, fashion, or personal and social behaviour".

1.1.4. Kusumadi Pudjosewojo..

Mungkin juga satu tingkahlaku itu mula-mula dianut hanya kerana kebiasaan belaka. Tetapi lama-kelamaan lantas menimbulkan perasaan pada masyarakat yang menganut itu bahawa demikianlah memang sepatutnya tingkahlaku lantas menjadi adat.

1.1.5. Mohd Koesnoe.

Adat adalah keseluruhan daripada ajaran-ajaran dan amalannya yang mengatur cara hidup orang Indonesia di dalam masyarakat. Ajaran dan amalan mana langsung dilahirkan daripada tanggapan rakyat tentang manusia dan dunia. Dalam hubungan ini, Adat adalah susunan hidup (path of life) rakyat yang bersumberkan rasa susilanya.

1.1.6. Hazairin.

Adat adalah renapan (sediment) kesusilaan dalam masyarakat.

1.1.7. Kesimpulan.

Dari keenam-enam pendapat atau hujah yang telah dinyatakan oleh pakar-pakar Undang-undang tersebut dapat disimpulkan bahawa adat merupakan satu peringatan am yang mencerminkan tingkahlaku dan berpedoman kepada tatasusila masyarakat. Tatasusila disini bermaksud susunan kaedah buruk baik terhadap sesuatu tindakan yang dilakukan oleh individu mahupun masyarakat.